

## Ejen Parti Politik dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (Dun) Sarawak 2006: Ciri-Ciri dan Keberkesanannya

Noni Harianti Junaidi  
Arenawati Sehat Omar  
Junaidi @ Saudi Narani

### ABSTRAK

*Penekanan kepada konsep pembangunan modal insan bukanlah perkara baru dalam dunia yang semakin kompetitif. Penerapan ciri-ciri modal insan yang berdaya saing perlu diberi penelitian oleh semua pihak bagi kepentingan bersama. Modal insan yang berdaya saing mampu mencipta, menjana dan membangunkan kepakaran serta kemahiran mereka dalam sesebuah organisasi sejajar dengan kehendak pasaran dan tuntutan globalisasi dan ini menjadi tuntutan dalam arus perkembangan sains, teknologi dan sains sosial yang pesat pada masa kini. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti ciri-ciri ejen parti-parti politik di dalam menyampaikan keperluan-keperluan organisasi semasa pilihan raya. Ejen calon kepada parti politik pula merujuk kepada mereka yang dilantik oleh calon bagi sesebuah parti dan mereka bergiat aktif semasa pilihan raya diadakan. Tidak dapat dinafikan bahawa ejen-ejen ini telah memainkan peranan serta memberi sumbangan yang penting kepada keberkesanan sesebuah kempen pilihan raya parti dan mereka merupakan jentera pilihan raya sebelum, semasa dan selepas proses pilihan raya. Sebanyak 36 daripada 71 set soal selidik telah diterima daripada Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan Penolong Pengurus Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 2006. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa ejen-ejen bagi parti politik ini mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, mempunyai ilmu pengetahuan yang diperlukan dan memiliki kompetensi interpersonal yang baik. Mereka juga perlu dilatih dengan kemahiran pengurusan yang relevan. Pada amnya, kelayakan-kelayakan sebegini dikehendaki bagi pemilihan para pekerja atau ejen-ejen yang berminat untuk bekerja demi kepentingan parti, dan sudah pasti ia adalah aset untuk sesebuah kerajaan atau Suruhanjaya Pilihan Raya dalam menguruskan sesebuah pilihan raya dengan jayanya pada masa akan datang.*

**Kata Kunci:** *Ejen parti politik, ciri-ciri, pilihan raya*

### Pendahuluan

Kelancaran perjalanan sesuatu operasi bagi pencapaian matlamat sesebuah organisasi memerlukan kepada tenaga kerja yang bertepatan dengan kehendak semasa. Tanpa sumber manusia yang berdaya saing serta sentiasa ingin memajukan diri demi kepentingan organisasi, amat sukar pencapaian matlamat dilakukan.

Jika dahulunya sumber manusia sinonim dengan tenaga kerja/pekerja/staf tetapi pada masa sekarang ia lebih disenangi sebagai modal insan. Modal insan yang berkemahiran merupakan salah satu aset yang penting bagi sesebuah organisasi bagi menjana semua aktiviti yang diperlukan bermotifkan pencapaian matlamat sesebuah organisasi. Kualiti modal insan perlu dibangunkan bagi memastikan kompetensi mereka dapat menjamin produktiviti kerana prestasi organisasi sentiasa memerlukan penambahbaikan.

Ejen kepada calon parti yang bertanding berperanan menggerakkan aktiviti sesebuah parti terutamanya menjelang hari penamaan calon dan hari pengundian dan seseorang ejen boleh dikatakan sebagai tulang belakang bagi menggerakkan jentera parti dalam menggempur pihak lawan. Para ejen calon juga memainkan peranan yang lebih besar bagi memastikan jentera pilihan raya bergerak lancar di samping mempengaruhi pengundi untuk memberi sokongan kepada parti yang bertanding. Ejen calon ini juga menggambarkan imej dan identiti calon yang bertanding.

Kebanyakan ejen yang terlibat adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman

menjalankan tugas di dalam pilihan raya atau beberapa pilihan raya yang lepas. Kebiasaannya para ejen ialah penduduk tempatan yang dilantik oleh pihak parti yang bertanding memandangkan mereka sudah berpengalaman dan lebih mudah berurusan serta memahami proses perjalanan pilihan raya. Kepercayaan calon parti politik yang bertanding terhadap penglibatan masyarakat setempat sebagai ejen telah memberi peluang keemasan kepada mereka dalam berperanan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih baik. Para ejen ini sentiasa dilihat lebih matang dalam menjalankan tugas. Perjalanan proses khasnya semasa berkempen lebih menyerlahkan peranan ejen dalam membantu melicinkan keseluruhan proses operasi pilihan raya sesebuah kawasan.

Selari dengan tuntutan globalisasi atau persejagatan, cabaran utama bagi seseorang Pengurus Pilihan raya adalah memastikan para ejen dapat mengadaptasi segala kemahiran yang diperlukan bagi menyempurnakan dan menjayakan sesuatu tugas dengan lebih berkesan. Seseorang pekerja perlu memiliki penguasaan ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap tugasnya, kemahiran sendiri yang positif, kemahiran mengurus serta kemahiran berkomunikasi. Keempat-empat aspek ini adalah penting dalam menjamin kualiti modal insan yang mampu berdaya saing dan maju seiring dengan perubahan persekitaran.

## Latarbelakang Kajian

Semasa kempen pilihan raya, tenaga kerja yang terlibat secara langsung mahupun tidak secara langsung menyumbang ke arah kelancaran dan keberkesanan kerja sesebuah parti politik yang bertanding. Ciri-ciri tenaga kerja yang terdiri daripada ejen-ejen bagi parti politik itu sendiri perlu dibangunkan bagi memastikan sesebuah parti politik yang bertanding lebih bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan serta cabaran yang bakal ditempuhi. Sudah pasti pergerakan serta penglibatan para ejen perlu mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan peraturan-peraturan serta undang-undang negara yang berkaitan dengan pengurusan pilihan raya.

Pada kebiasaannya setiap kali kemunculan sesebuah pilihan raya sama ada peringkat Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri pasti ada penglibatan para ejen sesebuah parti, tidak kira dari pihak kerajaan atau sebaliknya. Ia telah menjadi satu keperluan atau suatu budaya dan amalan yang turut membantu menggerakkan sesebuah parti yang bertanding. Peranan yang dimainkan oleh para ejen menampakkan mereka diiktiraf secara tidak langsung oleh masyarakat setempat. Ini dapat kita lihat apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di mana mereka akan membenarkan ejen-ejen calon memerhati proses pengundian pos yang akan dijalankan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) atau Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di seluruh negara mulai pilihan raya umum ke-12 ini. Cara ini diharap dapat menangkis segala tohmahan liar seperti terdapat manipulasi atau ketidaktelusan yang dilemparkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terutama dalam urusan pengundian pos ("Ejen Calon," 2007).

Peranan ejen yang paling menonjol dapat dilihat apabila berlakunya sebarang ketegangan situasi yang meminta para penyokong supaya berperanan dan berfungsi dalam menangani sesuatu keadaan. Pada saat genting, selalunya para ejen merupakan penyokong kuat, penggerak dan mereka yang berfungsi secara tidak langsung dalam mempertahankan parti politik yang disokong. Situasi tegang yang menyemarakkan sesuatu isu sensitif bagi sesebuah parti lain akan mencetuskan 'barah' yang mudah menular ke sekumpulan ejen.

Seperti yang telah kita tahu, ejen adalah wakil calon. Ejen juga adalah pekerja kepada parti politik. Ini bermakna segala tindak tanduk ejen akan mencerminkan calon bagi sesebuah parti politik yang bertanding. Sebagai contoh, sekiranya seseorang ejen tidak memahami undang-undang pilihan raya, apa sahaja yang dilakukan oleh ejen tersebut secara tidak langsung akan melibatkan atau mencerminkan calon yang diwakilinya. Jika ejen melakukan kesalahan pilihan raya seperti rasuah yang sering dijadikan isu dalam sesebuah pilihan raya, maka calon juga akan dipertanggungjawabkan. Kedudukan ejen ini harus difahami oleh kedua-dua pihak iaitu yang melantik (calon) dan yang dilantik (ejen).

Kebanyakan ejen yang dilantik adalah terdiri daripada orang tempatan yang sudah memahami budaya dan kehidupan masyarakat setempat. Tidak kira ejen itu terdiri daripada golongan muda

mahupun golongan yang agak berumur, matlamat mereka adalah untuk melibatkan diri dan merasai pengalaman bagi sesebuah pilihan raya yang berbeza zaman.

Kebanyakan daripada ejen calon bergiat aktif terutamanya semasa kempen seperti tugas menggantung poster serta kain rentang, mengedarkan risalah-risalah, mempromosikan wakil yang bertanding, menjadi ejen di tempat mengundi serta lain-lain. Mereka bagaikan cendawan yang tumbuh dengan suburnya tetapi fenomena ini hanya berlaku di musim pilihan raya sahaja. Mereka akan bergiat aktif pada hari penamaan calon, semasa kempen, hari mengundi, semasa menghitung undi mahupun selepas pengumuman keputusan pilihan raya. Pada hari-hari yang lain, mereka lebih aktif sama ada sebagai penyokong ataupun hanya sebagai pemerhati.

## Sorotan Kajian

Modal insan turut merujuk kepada usaha dalam meletakkan nilai tara di antara diri dan pekerjaan yang akan dilakukannya atau pengukuran nilai ekonomi terhadap set kemahiran yang dimiliki oleh para pekerja berasaskan kepada aset yang dimiliki oleh seseorang individu. Aset yang dimaksudkan di sini merujuk kepada keupayaan/ kebolehan/ kemahiran seseorang pekerja tersebut bagi melakukan pekerjaannya. Dari sini juga, kita boleh mengandaikan bahawa nilai tara yang boleh diberikan oleh seseorang majikan terhadap seseorang pekerja mungkin berbeza dengan pekerja yang lain berasaskan kepada keupayaan/ kebolehan/ kemahiran yang dimilikinya.

Menurut Laroche, Mérette dan Ruggeri (1999), modal insan merupakan satu himpunan keupayaan dalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dibina dan dimiliki setiap individu sepanjang hayatnya. Menurut mereka, keupayaan dalaman bermaksud gambaran tentang potensi intrinsik dalam memperoleh kemahiran oleh seseorang individu. Sebagai rumusan, mereka menyatakan bahawa modal insan sebagai keseluruhan aspek keupayaan fizikal, intelektual dan psikologi yang dimiliki oleh seseorang individu sejak dilahirkan ke alam ini untuk dimanfaatkan oleh organisasi.

Sumber manusia adalah aset yang paling penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut Tun Mahathir Mohamad (1990: 20-21) beliau mengulas dalam pernyataan berikut iaitu :

*"... Daripada pengalaman ekonomi yang menakjubkan selama dua dasawarsa yang lalu di kalangan semua negara yang terbatas 'sumber alamnya', maka amatlah jelas bahawa sumber yang paling utama bagi sesebuah negara adalah bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha rakyatnya. Tenaga otak kita adalah sumber yang jauh lebih berharga dari sumber alam. Rakyat adalah sumber kita yang utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada tahun 1990-an dan seterusnya Malaysia mestilah memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap pembangunan sumber yang amat penting ini ..."*

Gronberg (1995:10) menegaskan, cabaran utama yang dihadapi oleh organisasi bukannya masalah teknikal tetapi masalah manusia. Cabaran-cabaran ini berpusatkan kepada persoalan bagaimana untuk mengatasi halangan-halangan dan mendapatkan sepenuhnya penglibatan potensi manusia. Ini adalah salah satu peranan pemimpin untuk memindahkan halangan kepada penglibatan.

## Methodologi Kajian

Kajian ini telah dijalankan semasa pilihan raya DUN Sarawak 2006 dan responden adalah terdiri daripada Pegawai Pengurus dan Penolong Pengurus Pilihan Raya. Dalam konteks kajian ini dijalankan, pemilihan senarai sampel adalah diperolehi daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Negeri Sarawak yang terlibat secara langsung dalam proses pilihan raya berkenaan. Kajian ini merujuk kepada Pilihan raya DUN Sarawak 2006 iaitu pilihan raya ke-9 dalam DUN Sarawak. Bagi tujuan kajian ini dijalankan, kaedah gabungan di antara kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan. Untuk kaedah kualitatif, satu temu bual berstruktur telah diadakan dengan Pengarah

SPR Negeri Sarawak dan temu bual tidak berstruktur pula telah dibuat ke atas beberapa orang bekas ejen parti poltik.

Seterusnya, bagi kaedah kuantitatif pula satu set soal selidik kajian turut diedarkan kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan/atau Penolong Pengurus Pilihan Raya. Pengedaran soal selidik telah dibuat pada 11 September 2006 iaitu semasa sesi *post-mortem* pilihan raya diadakan di Damai Lagoon Resort, Kuching.

Hasil daripada penggunaan gabungan kedua-dua kaedah tersebut, ianya telah memberikan gambaran yang jelas kepada hasil penemuan kajian ini. Tidak dinafikan terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah kelancaran sesebuah proses pilihan raya. Tetapi bagi kertas kerja ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada ciri-ciri kemahiran yang dimiliki oleh para ejen kepada parti politik bagi pilihan raya Sarawak DUN 2006 yang dapat menjadi salah satu faktor penyumbang ke arah kelancaran proses pilihan raya.

## Keputusan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membuat analisis mengenai kemahiran-kemahiran semasa bagi ejen-ejen kepada parti-parti politik bagi Pilihan raya Sarawak 2006 mengikut perspektif Pegawai Pengurus (Pilihan raya) atau Penolong Pengurus Pilihan raya.

### Hasil Keputusan Bagi Kemahiran Kendiri Ejen Calon Parti Politik Bagi Pilihan Raya Sarawak 2006

Konsep pengurusan sendiri adalah merupakan latihan mengawal dan mengekang kehendak dan keperluan diri untuk mencapai atau menghadapi sesuatu situasi. Ia juga melibatkan tahap daya tindak seseorang untuk mengurus masa, tekanan, kebimbangan, risiko terhadap berbagai situasi yang memerlukan kemahiran ubah suai (*adjustment*) dan adaptasi untuk kestabilan diri dan persekitaran.

Hasil keputusan ke atas responden mendapati sebanyak 47.3% responden kajian memberi maklum balas bahawa para ejen kepada parti politik tidak mempunyai kemahiran yang baik dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Ini menunjukkan para ejen calon tidak peka tentang kepentingan kemahiran sendiri yang akan membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, bagi aspek kemahiran mengurus juga, ejen perlu berupaya dalam menangani keadaan yang rumit secara spontan. Hasil keputusan mendapati sebanyak 30.6% responden kajian menyatakan bahawa para ejen calon tidak mempunyai keupayaan yang baik dalam menangani keadaan rumit secara spontan. Sementara itu, sebanyak 27.8% yang bersetuju bahawa ejen-ejen parti di kawasan masing-masing mempunyai keupayaan dalam menangani keadaan rumit secara spontan. Ini menunjukkan para ejen calon gagal menunjukkan keupayaan yang baik semasa berhadapan dengan sesuatu keadaan yang rumit.

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 41.7% bersetuju dan sependapat bahawa ejen-ejen bagi pilihan raya 2006 telah mempamerkan imej atau personaliti yang menjurus kepada anggapan baik. Ini bermakna mereka boleh bekerjasama dan tidak menimbulkan banyak masalah terutamanya kepada masyarakat setempat semasa pilihan raya dijalankan.

Hasil kajian mendapati, sebanyak 47.2% mempunyai pandangan bahawa ejen-ejen mereka mempunyai sikap keterbukaan dalam menerima kritikan dan pandangan orang lain. Sementara sebanyak 27.8 % pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala sebanyak 25% responden pula memberi maklum balas neutral. Maklum balas neutral seumpama ini menunjukkan para responden kajian kurang pasti kemahiran yang telah ditonjolkan oleh para ejen calon semasa proses pilihan raya. Dapatan kajian ini lebih membuktikan bahawa para ejen calon bersikap terbuka dalam menerima kritikan dan pandangan orang lain bagi kepentingan parti dan masyarakat setempat.

Di samping itu juga, aspek pengalaman responden berurusan dengan ejen calon yang bersikap negatif seperti menengking, berkasar, menyindir dan sebagainya menunjukkan sebanyak 27.8% bersetuju mengatakan mereka berpengalaman berurusan dengan ejen-ejen yang bersikap negatif semasa menjalankan tugas seperti menengking, berkasar, menyindir dan sebagainya. Manakala

sebanyak 33.3% daripada responden tidak mempunyai apa-apa komen tentang sikap negatif ejen-ejen bagi kawasan-kawasan pilihan raya masing-masing. Ini mungkin disebabkan responden kajian tidak banyak berurusan dengan ejen calon parti. Sementara itu, sebanyak 22.2% tidak bersetuju bahawa ejen-ejen di kawasan pilihan raya masing-masing menunjukkan sikap negatif semasa menjalankan tugas. Ini menunjukkan banyak lagi ruang untuk penambahbaikan dalam menanam semangat kerjasama yang tinggi antara kedua-dua belah pihak yang terlibat bagi membantu memastikan kelancaran proses pilihan raya sesebuah kawasan.

Ini menunjukkan aspek kemahiran pengurusan sendiri para ejen perlu ditekankan. Mereka perlu diberi pendedahan dengan mempergiatkan latihan-latihan yang relevan dengan keadaan semasa. Ini kerana kemahiran ini bukan terjadi secara kebetulan atau diwarisi, ia memerlukan kefahaman dan latihan untuk membentuk satu sistem kognitif (minda) dan penghasilan tingkah laku bestari bagi menjamin kesejahteraan diri dan orang lain serta persekitaran.

### **Hasil Keputusan Bagi Kemahiran Mengurus Ejen Calon Parti Politik Bagi Pilihan Raya Sarawak 2006**

Hasil kajian terhadap aspek kemahiran mengurus ejen mendapati sebanyak 38.9% responden kajian telah menyatakan bahawa ejen-ejen calon bagi pilihan raya ini memahami fungsi-fungsi, operasi serta pelaksanaan proses pilihan raya. Sementara itu, hanya 8.3% responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. 27.8% responden kajian pula berpendapat bahawa ejen-ejen tidak memahami fungsi-fungsi, operasi serta pelaksanaan proses pilihan raya dan hanya sebanyak 25% responden sahaja yang memberi maklum balas neutral. Ini menunjukkan walaupun peratusan setuju tidak hampir separuh tetapi bila dilihat serta dibandingkan dengan peratusan yang lain, didapati para ejen calon hampir kebanyakan memahami segala proses pelaksanaan proses pilihan raya sesebuah kawasan.

Di samping itu, sebanyak 41.7% responden kajian bersetuju bahawa ejen-ejen calon bagi pilihan raya berupaya melaksanakan tugas yang diarahkan dengan baik. Sementara itu, sebanyak 27.8% responden kajian tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala 30.6% pula memberi maklum balas neutral. Ini menunjukkan bahawa para ejen calon berupaya menjalankan segala tugas yang diarahkan dengan baik.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebanyak 50% responden kajian bersetuju bahawa ejen parti ini berjaya menunjukkan usaha dan inisiatif bagi menyempurnakan tugas dengan dedikasi. Ini amat selari dengan tugas dan peranan yang perlu mereka jalankan dalam menyakini masyarakat setempat supaya lebih yakin dan komited terhadap sesebuah parti yang bertanding. Manakala sebanyak 36.1% responden memberi maklum balas neutral.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati sebanyak 50% responden kajian bersetuju bahawa ejen-ejen parti politik telah menunjukkan semangat kerja berpasukan yang baik dalam pilihan raya 2006 ini. Sementara 22.3% responden kajian tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut di samping 25% yang memberi maklum balas neutral. Semangat kerja berpasukan adalah dituntut dan amat diperlukan terutamanya apabila bekerja dalam kumpulan yang ramai. Ejen yang mempunyai ciri-ciri ini akan berupaya memberi kerjasama yang penuh apabila diminta oleh ahli-ahli kumpulan yang lain.

### **Hasil Keputusan Bagi Mengenalpasti Aspek Ilmu Pengetahuan Ejen Calon Parti Politik Bagi Pilihan Raya Sarawak 2006**

Aspek ilmu pengetahuan ini menekankan para ejen perlu mempunyai pengetahuan asas yang baik mengenai proses pilihan raya, pengetahuan yang mendalam tentang prosedur, polisi dan undang-undang pilihan raya dan peka terhadap keadaan persekitaran semasa pilihan raya diadakan.

Pengkaji mendapati sebanyak 30.6% responden kajian masing-masing bersetuju dan memberi maklum balas neutral bahawa ejen-ejen di bawah kawasan pilihan raya masing-masing mempunyai pengetahuan asas yang baik mengenai proses pilihan raya. Berbanding dengan 38.9% responden pula tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi ruang untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan asas seseorang ejen. Melalui latihan yang diberikan disokong dengan pengalaman para ejen dipercayai dapat mempertingkatkan



kemahiran serta sikap yang positif dapat membantu kelancaran proses pilihan raya.

Hasil kajian juga mendapati sebanyak 44.4% responden kajian berpendapat bahawa ejen-ejen mereka mempunyai pengetahuan asas yang baik hasil daripada pengalaman semasa menjalankan tugas-tugas pilihan raya yang lepas. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 33.3% pula memberi maklum balas neutral sementara 19.5% pula responden tidak bersetuju tentang pernyataan tersebut. Berdasarkan hasil keputusan yang diperolehi, para pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengalaman seseorang ejen bertugas semasa pilihan raya yang lepas menyumbang kepada pemahaman dalam pengetahuan asas yang lebih baik. Ini kerana faktor pengalaman sering dikatakan sebagai proses pembelajaran yang berkesan sekiranya dimanfaatkan dengan kaedah yang betul.

Pengkaji mendapati sebanyak 50% responden kajian tidak bersetuju bahawa ejen calon mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang prosedur, polisi dan undang-undang pilihan raya. Ini menunjukkan bahawa para ejen bagi parti-parti politik yang bertanding tidak peka terhadap garis panduan, peraturan, undang-undang serta polisi yang berkuat kuasa semasa pilihan raya. Hanya 16.7% responden kajian sahaja yang bersetuju dan sebanyak 33.33% responden memberi maklum balas neutral bahawa para ejen mempunyai pengetahuan mendalam tentang garis panduan, peraturan dan undang-undang pilihan raya. Ini jelas menunjukkan para ejen calon kepada parti yang bertanding tidak arif dan peka mengenai segala prosedur dan undang-undang yang berkaitan. Ini merupakan pengetahuan asas yang penting dalam menyumbang kepada kelancaran sesuatu proses pilihan raya. Parti-parti yang bertanding di sesebuah kawasan perlu melihat secara serius tentang perkara ini dan seharusnya setiap ejen calon perlu diberi pendedahan dari semasa ke semasa di samping diberi peringatan sekiranya ingkar dan menimbulkan kekacauan bagi memastikan segalanya berjalan dengan lancar.

Hasil kajian juga mendapati sebanyak 44.4% responden kajian bersetuju bahawa ejen-ejen parti di kawasan mereka peka dengan persekitaran semasa pilihan raya dijalankan. Ini bermaksud mereka mengambil kira keadaan sekeliling semasa melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sementara sebanyak 19.5% responden kajian yang menyatakan tidak bersetuju manakala 36.1% yang memberi maklum balas neutral terhadap pernyataan tersebut.

### **Hasil Keputusan Bagi Kemahiran Komunikasi Ejen Calon Parti Politik Bagi Pilihan Raya Sarawak 2006**

Aspek bagi kemahiran komunikasi seseorang ejen juga ditekankan. Antaranya adalah meliputi kebolehan para ejen berkomunikasi dengan baik dengan memahami dialek tempatan dengan baik serta kebolehan mereka berinteraksi dengan penduduk setempat. Di samping itu juga para ejen juga ditekankan dari segi kebolehan dalam memahami arahan petugas serta pegawai pilihan raya serta mempunyai hubungan yang baik dengan mereka.

Komunikasi adalah antara elemen yang penting dalam memastikan ejen kepada parti politik dapat berinteraksi sebaik yang mungkin dengan petugas-petugas yang dilantik oleh SPR dalam sesebuah pilihan raya, para pengundi dan masyarakat setempat. Ejen kepada parti politik perlu mengetahui pendekatan yang sesuai bagi membantu parti dalam menyakinkan masyarakat setempat khususnya bakal pengundi bagi sesebuah pilihan raya supaya mendapat segala informasi terkini tentang sumbangan sesebuah parti tersebut bagi pembangunan negara. Mereka merupakan pengantara yang terdekat dalam menyampaikan hasrat parti yang bertanding.

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 61.1% responden kajian bersetuju bahawa ejen-ejen parti ini mempunyai kebolehan berkomunikasi yang baik. Sementara sebanyak 33.3% responden kajian pula memberi maklum balas neutral dan sebanyak 5.6% responden kajian pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan ejen parti ini secara keseluruhan telah menunjukkan kebolehan berkomunikasi yang baik. Kebolehan komunikasi merupakan salah satu elemen yang penting dalam aspek kemahiran kemanusiaan. Dengan berkomunikasi serta berinteraksi dengan baik akan lebih memudahkan para ejen memahami budaya serta amalan masyarakat setempat dan ini akan membantu mereka menyakini masyarakat setempat tentang parti politik yang disokong.

Selain itu juga, didapati sebanyak 58.4% responden kajian bersetuju bahawa ejen-ejen parti

mempunyai kebolehan bertutur dalam pelbagai dialek tempatan. Kebolehan ini dapat membantu para ejen untuk memahami masyarakat setempat yang berbilang kaum dengan lebih mesra. Manakala sebanyak 33.3% responden pula memberi maklum balas neutral dan 8.3% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa ejen calon parti yang telah dilantik mempunyai asas kemahiran bahasa tempatan yang baik bagi membantu dalam kelancaran sepanjang proses pilihan raya diadakan.

Di samping itu juga, didapati sebanyak 55.8% responden kajian bersetuju bahawa para ejen pilihan raya di kawasan pilihan raya masing-masing tidak menimbulkan atau mempunyai sebarang masalah untuk memahami arahan petugas-petugas atau pegawai pilihan raya. Sementara itu sebanyak 13.9% responden kajian pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan sebanyak 33.3% responden kajian pula memberi maklum balas neutral. Ini menunjukkan ejen calon telah memberikan kerjasama yang diperlukan bagi membantu kelancaran proses pilihan raya dijalankan.

Sebanyak 69.5% responden kajian bersetuju bahawa petugas atau pegawai pilihan raya tidak mempunyai sebarang masalah berinteraksi dengan ejen parti politik di kawasan pilihan raya masing-masing. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pihak yang terlibat dalam pilihan raya ini dapat bekerjasama dengan baik. Sementara itu, sebanyak 11.1% responden pula berpendapat petugas atau pegawai pilihan raya mempunyai masalah berinteraksi dengan ejen pilihan raya. Ini menunjukkan kebanyakan para ejen tidak menimbulkan sebarang masalah terutama semasa berinteraksi dengan petugas-petugas pilihan raya yang lain.

## Penutup

Selaras dengan perkembangan politik dan perubahan aliran zaman, sudah pasti peranan yang dimainkan oleh para ejen akan menjadi lebih mencabar bagi memenuhi tuntutan parti politik yang bertanding. Dari perspektif pembangunan sumber manusia, peranan yang disumbangkan oleh ejen parti politik yang bertanding dalam sesebuah pilihan raya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung perlu dikembangkan dan dibangunkan bersama-sama ciri-ciri modal insan yang memenuhi hasrat parti yang bertanding bagi membantu kelancaran sesebuah proses pilihan raya.

Hasil kajian ini boleh digunakan oleh mana-mana parti politik bagi mengenal pasti sama ada kriteria-kriteria pemilihan tenaga kerja ejen calon yang sedia ada berkesan atau sebaliknya dalam membantu kelancaran sesebuah proses pilihan raya. Ia juga boleh digunakan sebagai garis panduan bagi membantu parti-parti politik mengenal pasti calon-calon ejen yang sesuai untuk diberikan tanggungjawab melaksanakan tugas bagi kepentingan parti pada musim pilihan raya yang mendatang.

## Rujukan

- Gronberg, D. (1995, April 25). Leader versus management: Turning resistance into commitment. *Management Times*, p.10.
- Laroche, M., M. Mérette, & Ruggeri, G.C. (1999). On the concept and dimensions of human capital in a knowledge-based economy context. *Canadian Public Policy – Analyse de Politiques*, 25 (1), 87-100.
- Mahathir Mohamad. (1991). *Malaysia Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka and Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa.

Ejen calon dibenar perhati proses kira undi di balai polis. (2007, November 8). *Utusan Malaysia*, p. 19.

---

NONI HARIANTI JUNAIDI, ARENAWATI SEHAT OMAR, JUNAIDI @ SAUDI NARANI, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Sarawak. [noniehj@sarawak.uitm.edu.my](mailto:noniehj@sarawak.uitm.edu.my), [arenasomar@sarawak.uitm.edu.my](mailto:arenasomar@sarawak.uitm.edu.my), [saudina@sarawak.uitm.edu.my](mailto:saudina@sarawak.uitm.edu.my)